

HARI : ISNIN
 TARikh : 29/7/2019
 M/SURAT : 2

Akta baharu kawal vape dirangka

PARIT 28 Julai - Kementerian Kesihatan sedang merangka undang-undang baharu bagi memperkemaskan Akta Kawalan Tembakau termasuk membabitkan penggunaan bahan berkaitan nikotin.

Draf berkenaan kini sedang diperhalusi oleh pegawai undang-undang kementerian berkenaan sebelum dikemukakan kepada pihak Jabatan Perguam Negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ia juga merangkumi kawalan penggunaan produk tembakau, termasuk rokok elektronik dan *vape*.

Menurut beliau, perkara itu

nanti bakal memperkemaskan lagi peruntukan kuasa kepada kementerian berkenaan meliputi bidang penguatkuasaan, penjualan, undang-undang dan hukuman.

“Perkara ini telah kita bincangkan dengan jawatankuasa khas kementerian serta pihak-pihak berkaitan yang melihat perlu perkara membabitkan penggunaan *vape*, rokok elektronik dan sisa

diberi perhatian.

“Kita perlu pada satu bentuk penguatkuasaan bersama terutamanya produk-produk ini yang boleh didapati dengan mudah termasuk golongan pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian

dalam sidang akbar selepas merasmikan Konvensyen Combi, Hari Denggi ASEAN dan Anugerah IPT Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan 2019 di sini hari ini.

Mengulas lanjut kata Dzulkefly, sebelum ini, penjualan rokok elektronik dan *vape* yang mengandungi nikotin tertakluk di bawah Akta Racun 1952.

“Ketika ini lesen penjualan rokok elektronik dan *vape* di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Hal Ehwal Pengguna manakala kandungan nikotin dalam rokok terbabit pula di bawah pihak kita.

“Justeru kita perlu satu undang-undang baharu yang lengkap agar perkara berkaitan kawalan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan mudah,” ujarnya.



DZULKEFLY AHMAD